

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996


HIU 302 Pendidikan Rohaniah Dalam Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI
DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab DUA (2) soalan daripada setiap bahagian (A dan B):

BAHAGIAN A



1. Berdasarkan kepada rajah di atas, anda dikehendaki menghuraikan dengan jelas perkara-perkara berkaitan yang berikut:
 - [a] Kedudukan 'Aqidah, Syari'ah dan Haqiqah dalam disiplin ilmu Islam;
 - [b] Keseimbangan antara penghayatan syari'ah dan kerohamian (tasauwwuf);
 - [c] Salah faham yang sering berlaku di kalangan sesetengah pengamal tariqat sufi dalam bidang berkenaan.

2. Menurut sebuah hadith, bahawa setiap anak dilahirkan di atas landasan fitrah yang mengenal Tuhannya serta mengakui hakikat keabdian dirinya terhadap Allah S.W.T. Namun suasana sekeliling kemudiannya sering memesongkan seseorang daripada landasan tersebut. Oleh itu manusia dituntut supaya berusaha mengembalikan keadaan asalnya yang bersih itu. Bincangkan pernyataan ini secara ilmiah berdasarkan kepada apa yang telah anda pelajari tentang penyakit-penyakit hati dan cara-cara rawatannya menurut ajaran kerohanian Islam.

3. Salah satu cara yang dianggap amat berkesan untuk memperbaiki keadaan diri ialah dengan menjalani proses muhasabah. Huraikan konsep muhasabah, kepentingannya dan cara-caranya yang dianjurkan dalam Ilmu Kerohanian Islam.

BAHAGIAN B

4. Pencemaran rohani seringkali menimbulkan kekusutan hidup seseorang Muslim. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan beberapa aspek pendekatan Islam sebagai jalan penyelesaiannya.
 - [a] Peranan ibadah-ibadah ke arah penyucian hati.
 - [b] Penekanan terhadap pelaksanaan ibadah-ibadah wajib.
 - [c] Akibat daripada kecuaiian dalam melaksanakan sesuatu ibadah wajib.

5. Mujahadah merupakan salah satu bahagian yang terpenting dalam pendidikan rohaniah.
 - [a] Huraikan dua daripada rukun-rukunnya.
 - [b] Jelaskan implikasi terhadap 'amalan bermujahadah.
 - [c] Nyatakan hubungannya dengan proses pembangunan jiwa dalam Islam.

6. Kedudukan akhlak seseorang mencerminkan latar keperibadiannya yang tersendiri. Berdasarkan kenyataan di atas, Islam ada mengutarakan beberapa pendekatan ke arah pemantapan akhlak. Jelaskan

[a] Peranan hati.

[b] Peranan ilmu.

[c] Peranan tingkahlaku.

--ooo000ooo--